

# *Sekapur Sirih*



## **ENCIK HAWAZI DAIPI**

Setiausaha Parlimen Kanan  
Kementerian Pendidikan  
dan Kementerian Tenaga Manusia


Pelajar-pelajar kita berhadapan dengan dunia yang pesat membangun, berubah dan dipenuhi dengan pelbagai ketidakpastian. Oleh sebab itu, kita perlu mempersiapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran untuk menghadapi cabaran-cabaran ini. Ini bermakna mereka perlu memiliki asas yang kukuh dalam subjek-subjek utama termasuk kemahiran berdwibahasa.

Selaras dengan itu, kita juga harus menerapkan dan mengintegrasikan pembelajaran dalam pelbagai domain dan membangunkan nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran dalam setiap aspek persekolahan, baik di dalam dan di luar bilik darjah.

Tema Seminar Bahasa Melayu 2014, **Menyemai Bahasa, Menuai Budi** amat bersesuaian dengan inisiatif MOE untuk membangunkan pelajar-pelajar yang berkebolehan, boleh berkomunikasi dengan yakin, mempunyai perwatakan yang kukuh dan menyumbang secara aktif kepada masyarakat. Mereka bukan sahaja cekap berbahasa malah mereka mengamalkan nilai-nilai murni, berbudi dan berbakti kepada masyarakat.

Saya mengucapkan tahniah kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, CPDD kerana telah menganjurkan seminar ini dengan jayanya. Syabas juga kepada para pembentang kertas kerja dan peserta seminar. Semoga ilmu yang diraih dan dikongsi dalam seminar ini dapat dimanfaatkan bersama oleh guru dan pelajar.

Terima kasih dan selamat berseminar.



# Foreword




**LO CHEE LIN**

Deputy Director  
Mother Tongue Languages Branch  
Curriculum Planning and Development Division

---

In today's globalised and rapid changing world, our students need to be guided to be adaptable and be active learners. They need to have the confidence to deal with problems that have no clear-cut solutions. And they need to be able to work effectively with others, across races and nationalities, and to communicate clearly.

For a strong social fabric of trust and togetherness, our young must care for one another, and be committed to our collective future. Ultimately, education is not what we do to our children. Rather, it is what we do with them, and for them, to bring out the best in each of them, so that they grow up to embrace the best of the human spirit - to strive to be better, to build deeper wells of character, and to contribute to society.



The Malay Language Seminar 2014 with the theme “Cultivating Language, Sowing Deeds” resonates well with MOE’s initiatives to develop students who are competent, able to communicate clearly, strong in their character and able to contribute actively to society. Our mother tongue languages have significant roles to play in building such qualities in our students.

I sincerely hope the presenters at the seminar will take the opportunity to not only share their best teaching strategies and research findings but to network with other presenters and build a professional learning community, be it in their school, cluster or at zonal level. I strongly encourage all the participants at the seminar to learn from the presenters and your peers and share your experiences. In this way, we can learn from each other, enrich ourselves and enhance our teaching and learning.

I wish all of you a fruitful and meaningful seminar.





# Sekapur Sirih



## MOHAMED NOH DAUPI


Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura dan  
Penolong Pengarah Bahasa Ibunda  
Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum

---

Pendidikan merupakan suatu proses membangunkan individu secara menyeluruh dari segi pengembangan minda dan pemupukan jiwa dengan nilai-nilai murni. Kita mahu pelajar kita mengenali diri mereka dengan lebih mendalam dan mempelajari cara-cara berinteraksi dan berkomunikasi dalam dunia yang pesat berubah, baik dengan menggunakan bahasa Inggeris mahupun bahasa ibunda.

Kita mahu pelajar kita menjadi pemimpin yang yakin dan berdaya tahan. Oleh sebab itu, Kementerian telah memperkenalkan beberapa inisiatif seperti Pendidikan yang Berpusatkan Pelajar dan Berteraskan Nilai, Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dan baru-baru ini, MOE memperkenalkan Nilai-Nilai yang diamalkan (*Values in Action*). Inisiatif ini membolehkan pelajar bertanggungjawab, menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah dalam dunia yang sebenar dan mempelajari serta mengamalkan nilai-nilai kehidupan yang penting.

Tema Seminar Bahasa Melayu pada tahun ini ialah 'Menyemai Bahasa Menuai Budi'. Tema ini selaras dengan objektif umum inisiatif-inisiatif MOE dan objektif



pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda yang disarankan oleh Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, iaitu membolehkan pelajar kita mempelajari bahasa ibunda setinggi dan sedalam yang mungkin dan, membentuk perwatakan dan memupuk nilai-nilai murni supaya pelajar kita menjadi pelajar yang berilmu, berbudi dan berbakti kepada masyarakat.

Pada tahun ini sebanyak 38 kertas kerja yang akan disampaikan oleh 137 orang guru semasa sesi sidang selari. Untuk memastikan kajian dan kertas kerja yang disiapkan oleh guru-guru bermutu tinggi, pihak MLCS telah menjalankan kursus Penulisan Kertas Kajian yang telah dibimbing oleh Dr Fadilah Isnin, Pengetua Guru Pakar. Kami juga ingin memaklumkan bahawa pihak MLCS akan meneruskan usaha menghantar para penyampai kertas kerja yang aktif untuk menyampaikan kertas kerja di seminar peringkat serantau dengan bimbingan Guru Pakar.

Semoga semua peserta Seminar Bahasa Melayu 2014 memperoleh ilmu dan manfaat daripada ucapan tetamu terhormat, ucap tama penceramah jemputan dan pembentang-pembentang kertas kerja.

